Uchapan

~~Upachara~~ Yang Berhormat Inche' Hussein Onn Menteri Pelajaran , Semasa melancharkan "Tahun Buku Antara Bangsa di Malaysia" pada malam 28.2.72 melalui Talivishen dan Radio Malaysia.

Tuan2 dan Puan2,

Dalam persidangan-nya yang ke-enam belas, November 1970, Persidangan Umum UNESCO telah mengishtiharkan tahun 1972 sebagai " Tahun Buku Antara Bangsa". Tujuan utama-nya ialah untok menumpukan perhatian kapada peranan buku dalam masharakat.

2. Kapada manusia, buku adalah saperti ingatan kapada sesaorang. Sejarah berbagai bangsa, kejumpaan (discoveries) umat manusia, ilmu pengetahuan dan pengalaman2 yang terkumpul daripada zaman ka-zaman, ada termaktub dalam buku2. Satengah buku2 menggambarkan kapada kita keindahan dan keajaipan alam; ada buku2 yang ~~mengha~~ menyukakan kita dan menukarkan masa2 kita yang bosan menjadi saat2 yang meriah. Pendek-nya buku2-lah yang memberi idea2 kapada kita dan membawa keelokan perasaan.

3. Pemilihan ~~buru~~ buku, saperti sebagai pemilihan sahabat, ialah tugas yang serius. Kita adalah bertanggong jawab atas apa yang kita bacha, sama saperti ~~atas~~ apa yang kita lakukan. Sesuatu buku yang elok, mengikut kata2

...../2.

sanjongan Milton, "ialah suatu aliran nyawa-darah yang penting untok sesuatu makhlok kedewaan, disimpan dan dipusakai untok tujuan2 kehidupan yang abadi".

4. Untok mendapat menafaat dan keseronokan dari buku2, kita perlu membacha untok menchari kemajuan dan bukan untok hiboran . Jika sesuatu buku itu tidak menimbulkan minat kapada kita, ini tidak pula bermaana bahawa buku itu yang salah. Membacha ada chara2-nya yang tersendiri. Membacha dengan sikap yang pesif tidak banyak guna-nya. Kita perlu sedar apa yang dibacha. Ramai orang berfikir mereka tahu apa yang mereka bacha dan tulis, walhal tidak begitu ramai yang boleh menulis betul2 atau sungguh2 mengetahui chara2 membacha. Adalah tidak memchukupi hanya meleretkan pandangan kita kapada deretan perkataan dan aleh-mengaleh halaman buku2 itu sahaja; kita perlu chuba menyadari gambaran2 yang diutarakan dan watak2 yang dikemukakan adalah sejajar dalam hamparan pemikiran.

5. Telah pun dikatakan orang bahawa, usaha membacha boleh mengajar dalam setahun lebeh dari pengalaman dalam 20 tahun. Frederick the Great, semasa berchakap darihal pegawai2 yang semata2 bergantong kapada pengalaman sahaja, dan mengabaikan usaha membacha, telah berkata bahawa dalam tentera-nya ada dua ekor kaldai yang telah berperang empat puloh kali, tetapi maseh lagi bersifat kaldai.

Tuan2 & Puan2

6. Saya ~~berasa amat~~ berasa amat sukachita hendak melancharkan Tahun Buku Antara Bangsa yang akan diadakan di Malaysia pada hari esok,

ia-itu 29hb. Februari, ~~1972~~. Tujuan2-nya ia-lah:-

a) menggalakkan kebiasaan membacha;
b) mengeluarkan buku2 dengan lebeh banyak dan lebeh elok;
c) mengembangkan perkhidmatan perpustakaan;
d) melateh penulis2;
e) satu-padu dan muhibbah melalui buku2;
f) saling mengerti serantau ini dan antarabangsa dan kerjasama melalui terjemahan dan tukar-menukar buku2;
g) buku2 dalam perkhidmatan pelajaran;
h) memelihara warisan atau heritage kebangsaan melalui buku dan
i) penyebaran buku2 dengan chara yang lebeh baik dan lebeh luas lagi.

7. Ektibiti2 tahun ini akan melibatkan seluroh negara, orang2 awam, serta juga sekolah2 dan yayasan2 pelajaran lain. Ektibiti2 ini termasok-lah:-

a) seminar untok menggalakkan kebiasaan membacha;
b) peraduan2 membacha dan menulis karangan;
c) kajian mengenai kebiasaan membacha;
d) pameran2 buku;
e) bengkel untok penulis2;
f) sharahan2 berkenaan buku2;
g) pertandingan melukis poster.

8. Sekarang ini, maseh lagi tidak banyak perpustakaan2 awam di-negeri ini. Dalam Ranchangan Malaysia Kedua, $2.5 juta telah di-untokkan bagi menubohkan Perpustakaan Negara. Dengan ~~wang~~ ini sebagai permulaan, perkhidmatan2 perpustakaan yang lebeh banyak dan lebeh baik, akan di-berikan untok seluroh negara. Kementerian Pelajaran sedang meranchang dengan giat-nya untok memperbaiki keadaan perpustakaan2 sekolah2.

---

9. Pehak2 suwasta juga akan mengambil bahagian yang chergas. Selain daripada menyediakan dan menguruskan pameran2 buku, Persatuan Penerbit2 Buku Malaysia akan mengatorkan satu persidangan Penerbit2 Buku Asia Tenggara di-Kuala Lumpur dalam bulan Nobember tahun ini. Suatu daripada perintang2 usaha menggalakkan dan mempopularkan pembachaan buku di-rantau ini, terutama sekali di-negeri kita, ia-lah harga2 buku yang tinggi. Ada-lah untok kepentingan penerbit2 buku, serta juga kepentingan negara, agar segala usaha mesti di-jalankan oleh pehak suwasta untok mengeluarkan buku2 dengan harga2 yang lebeh munasabah. Saya yakin perkara ini boleh di-laksanakan.

---

10. Saya suka menguchapkan terima kaseh kapada ahli2 Jawatankuasa Kebangsaan bagi Tahun Buku Antarabangsa atas segala usaha yang telah mereka buat bagi mengatorkan beberapa aktibiti. Saya juga uchapkan terima kaseh kapada Persatuan Penerbit Buku2 Malaysia, Gabongan Penulis Nasional (GAPENA) dan lain2 badan suwasta di-atas jasa baik kerjasama mereka

.......5/

dan penyertaan yang chergas sa-panjang Tahun Buku Antarabangsa ini.

11. Akhir-nya, kapada orang ramai, ibu2 bapa, guru2, penuntut2 dan lain2, saya menyeru agar memberikan kerjasama dan persafahaman yang sa-penoh-nya~~. Dengan ini nanti~~ [supaya] Tahun Buku Antarabangsa di-negara kita, akan menchapai kejayaan yang chemerlang. Perkara ini sama penting-nya, bukan sahaja kapada anak2 kita dan tuan2 dan puan2 sekalian, ~~malahan~~ [bahkan] juga kapada negara.

Selamat malam.

dan penyertaan yang chergas sa-panjang Tahun Buku Antara-
bangsa ini.

11. Akhir-nya, kapada orang ramai, ibu2 bapa, guru2, penuntut2 dan lain2, saya menyeru agar memberikan kerjasama dan persefahaman yang sa-penoh-nya. ~~Dengan ini~~ nanti Tahun Buku Antarabangsa di-negara kita, akan menchapai kejayaan yang chemerlang. Perkara ini sama penting-nya, bukan sahaja kapada anak2 kita dan tuan2 dan puan2 sekalian, ~~malahan~~ juga kapada negara.

Selamat malam.

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
AHO / 4
★ MALAYSIA ★

No Siri 635
No Penerimaan 28/84